



## **ANUGERAH SANGGAR SANJUNG 2023**

Sepuluh (10) kategori ditetapkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung 2023 seperti berikut:

1. Kategori Ketokohan
2. Kategori Penerbitan Jurnal
3. Kategori Penerbitan Buku
4. Kategori Pengkomersialan Produk Penyelidikan
5. Kategori Paten
6. Kategori Kreativiti
7. Kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa
8. Kategori Geran Penyelidikan Industri
9. Anugerah Penyelidik Harapan
10. Anugerah Canselor

### **SYARAT & PERATURAN UMUM**

1. Permohonan bagi semua kategori Anugerah Sanggar Sanjung terbuka kepada staf yang berkhidmat dengan Universiti Sains Malaysia (USM) (staf tetap, felo Rancangan Latihan Kakitangan Akademik dan staf kontrak termasuk staf kehormat dan staf FSRS) sepenuh masa atau berjawatan hakiki sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai. **Staf kunjungan, felo pasca doktoral dan felo pengajar tidak layak memohon.**
2. Hanya anugerah/pengiktirafan/hasil penyelidikan bagi tempoh **1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023** layak dipertimbangkan.
3. Calon/Kumpulan/PTJ mesti memohon sendiri. Permohonan adalah melalui **permohonan dalam talian di alamat <https://mass.usm.my>**
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada jam **5.00 petang, 26 Julai 2024 (Jumaat)**. Semua permohonan yang dihantar dianggap muktamad. **PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DAN/ATAU LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN SAMA SEKALI.**
5. Bagi sesuatu produk/hasil/penerbitan yang dipohon oleh lebih daripada seorang pemohon, semua permohonan akan ditolak.
6. Maklumat lengkap berkaitan penyelidik/penulis/pemegang paten/karyawan bersama mestilah seperti tertera di bahan bukti. Sekiranya maklumat ini tidak lengkap, permohonan akan ditolak.

## **KRITERIA PEMILIHAN & NILAI ANUGERAH**

### **1. KATEGORI KETOKOHAN**

- 1.1 Anugerah Sanggar Sanjung bagi kategori ini akan diberikan kepada staf/kumpulan yang telah menerima anugerah/pengiktirafan ketokohan daripada badan berprestij pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa pada tahun dinilai.
- 1.2 Nilai hadiah Anugerah Sanggar Sanjung bagi peringkat **kebangsaan** adalah **RM1,000** dan peringkat **antarabangsa** adalah **RM2,000**. Jika staf menerima anugerah/pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa pada tahun yang dinilai, maka nilai hadiah akan diberi mengikut peringkat tertinggi.
- 1.3 Seseorang staf/kumpulan USM hanya layak memenangi satu anugerah dalam kategori ini pada tahun yang dinilai.
- 1.4 Contoh senarai permohonan yang diterima dan ditolak bagi kategori ini berdasarkan permohonan lalu:
  - 1.4.1 Contoh anugerah yang diterima: Felo Akademi Sains Malaysia, Anugerah Akademik Negara.
  - 1.4.2 Contoh anugerah yang ditolak: *Malaysia Rising Star, Top Research Scientist Malaysia (TRSM), Travel Award Grant, Fulbright Malaysian Scholar Award, Venus International Award, Alumni Award, L'Oreal-UNESCO Fellowship.*

### **2. KATEGORI PENERBITAN JURNAL**

- 2.1 Hanya penerbitan berbentuk makalah lengkap layak dipertimbangkan; penerbitan lain seperti *meeting abstract, letter to editor* dan lain-lain tidak akan dipertimbangkan.
- 2.2 Hanya makalah yang mempamerkan afiliasi penulis dengan “**Universiti Sains Malaysia**” (dengan ejaan yang betul) layak dipertimbangkan.
- 2.3 Penerbitan hanya akan dipertimbangkan jika terdapat bukti dalam bentuk **OFF PRINT** atau **PRUF GALEI** atau **SURAT PENGESAHAN PENERBIT** yang menunjukkan nama semua penulis, afiliasi penulis dan tahun makalah akan diterbitkan. Sekiranya surat penerbit tidak mengandungi semua maklumat tersebut, penerbitan tidak akan dipertimbangkan.
- 2.4 Hanya makalah yang diterbitkan dalam senarai seperti terpamer di laman web **<http://mass.usm.my>** layak dipertimbangkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung. Senarai tersebut ditentukan berdasarkan kriteria berikut:-
  - Bagi bidang **Sains**, jurnal yang terdapat dalam *Journal Citation Report, Science Edition (SCIE) 2022* dibahagikan kepada 178 disiplin, **dan 10% jurnal teratas** (mengikut faktor impak) daripada setiap disiplin itu dipilih sebagai kriteria minimum untuk melayakkan sesuatu makalah jurnal dipertimbangkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung.  
[\(Senarai Jurnal Bidang Sains Anugerah Sanggar Sanjung 2023\)](#)
  - Bagi bidang **Sains Sosial dan Sastera**, jurnal yang terdapat dalam *Journal Citation Report, Social Science Edition (SSCI) 2022* dibahagikan kepada 58 disiplin dan **20% jurnal teratas** (mengikut faktor impak) daripada setiap disiplin itu dipilih sebagai kriteria minimum untuk melayakkan sesuatu makalah jurnal dipertimbangkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung.  
[\(Senarai Jurnal Bidang Sains Sosial dan Sastera bagi Anugerah Sanggar Sanjung 2023\)](#)

- Untuk disiplin khusus seperti Kesusasteraan Melayu, Pengajian Melayu, Pengajian Islam dan Pengajian Seni, satu senarai berasingan disediakan dalam laman web Anugerah Sanggar Sanjung.  
[\(Senarai Khas Jurnal bagi Anugerah Sanggar Sanjung 2023\)](#)
- 2.5 Jurnal di bawah penerbit seperti yang disenarai hitam oleh KPT (MyRA I & II – sila rujuk glosari MyRA) dan penerbit yang tidak dibiayai dana penerbitan oleh KPT (*Hindawi, MDPI & Frontiers*) tidak akan dipertimbangkan.
  - 2.6 Nilai Anugerah Sanggar Sanjung adalah sebanyak **RM2,000** bagi setiap penerbitan.
  - 2.7 Had maksimum untuk Anugerah Sanggar Sanjung kategori ini adalah sebanyak **RM8,000** setiap orang tanpa mengira bilangan penerbitan.
  - 2.8 Jika terdapat penulis bersama daripada dalam atau luar USM, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penulis yang terlibat. Namun, staf USM sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
  - 2.9 Untuk bidang Sains, staf yang makalahnya diterbitkan dalam jurnal Q1 dan Q2 *Journal Citation Reports, Science Edition (SCIE) 2022* [selain daripada senarai jurnal Anugerah Sanggar Sanjung 2023] boleh memohon Hadiah Sanjungan. Pemenang akan menerima sijil penghargaan.  
[\(Senarai jurnal Bidang Sains bagi Hadiah Sanjungan 2023\)](#).
  - 2.10 Untuk bidang Sains Sosial dan Sastera, staf yang makalahnya diterbitkan dalam jurnal Q1 dan Q2 *Journal Citation Reports, Social Science Edition (SSCI) 2022* [selain daripada senarai jurnal Anugerah Sanggar Sanjung 2023] boleh memohon Hadiah Sanjungan. Pemenang akan menerima sijil penghargaan.  
[\(Senarai jurnal Bidang Sains Sosial dan Sastera bagi Hadiah Sanjungan 2023\)](#).

### **3. KATEGORI PENERBITAN BUKU**

- 3.1 Staf USM yang mempunyai penerbitan dalam bentuk buku karya asli yang telah memenangi anugerah di peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan dipertimbangkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung. Buku yang sama hanya boleh menang **sekali** sahaja.
- 3.2 Nilai Anugerah Sanggar Sanjung bagi peringkat **kebangsaan** adalah **RM1,000** dan peringkat **antarabangsa** adalah **RM2,000** bagi setiap buku.
- 3.3 Had maksimum untuk Anugerah Sanggar Sanjung kategori ini adalah sebanyak **RM8,000** setiap orang tanpa mengira bilangan buku.
- 3.4 Jika terdapat penulis bersama daripada dalam atau luar USM, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penulis yang terlibat. Namun, staf USM sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 3.5 Contoh anugerah yang dipertimbangkan untuk kategori ini ialah seperti berikut:
  - \* Anugerah Buku Negara (Kategori Anugerah Pengajian Tinggi)
  - \* Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Kategori Buku Ilmiah Terbaik)
  - \* Hadiah Sastera Perdana Malaysia (Dewan Bahasa dan Pustaka)
  - \* Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA)
  - \* Global Ebook Awards (USA)
  - \* Royal Society Science Book Prize (UK)
  - \* ICAS Book Prize (Belanda)

#### **4. KATEGORI PENGKOMERSIALAN PRODUK PENYELIDIKAN**

- 4.1 Anugerah akan diberi kepada produk penyelidikan yang telah dikomersialkan dan menjana pendapatan (jualan kasar) kepada syarikat/enterprise berdaftar. Untuk layak memohon, nilai jualan kasar kumulatif bagi produk berkenaan mestilah sekurang-kurangnya **RM350,000**.
- 4.2 Universiti dan penyelidik mestilah mendapat pulangan hasil daripada pengkomersialan produk berkenaan (contohnya: royalti, yuran pelesenan, bayaran perundingan, milikan ekuiti). Yuran perkhidmatan dan amaun terimaan daripada penyelidikan kontrak tidak diambil kira sebagai jualan kasar/pendapatan pengkomersialan.
- 4.3 Pemohon mestilah Ketua Penyelidik bagi pembangunan produk ini.
- 4.4 Penilaian produk akan mengambil kira perkara berikut:
  - 4.4.1 Penerangan dari aspek teknikal, keaslian (originality) dan kepentingan kepada pengguna.
  - 4.4.2 Segala urusan pengkomersialan mesti melalui USM. Sebahagian daripada pendapatan pengkomersialan tersebut telah disalurkan kepada USM serta penyelidik.
  - 4.4.3 Mempunyai harta intelek yang berdaftar yang diperakukan oleh USM.
  - 4.4.4 Telah menggunakan dana/geran untuk sekurang-kurangnya dalam satu fasa berikut: penyelidikan, pembangunan atau pengkomersialan (R&D&C).
  - 4.4.5 Produk baru atau produk yang mempunyai nilai tambah berbanding produk yang sedia ada di pasaran yang memberi impak terhadap kualiti hidup, industri dan ekonomi negara.
- 4.5 Produk yang sama hanya boleh menang **sekali** sahaja.
- 4.6 Nilai Anugerah Sanggar Sanjung adalah sebanyak **RM2,000**.
- 4.7 Had maksimum untuk Anugerah Sanggar Sanjung kategori ini adalah sebanyak **RM8,000** setiap orang tanpa mengira bilangan produk.
- 4.8 Jika terdapat penyelidik bersama daripada dalam atau luar USM, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penyelidik yang terlibat. Namun, staf USM sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 4.9 Bagi produk penyelidikan yang telah dikomersialkan dan menjana pendapatan (jualan kasar) kepada syarikat/enterprise berdaftar dengan nilai jualan kasar kumulatif bagi produk berkenaan sekurang-kurangnya **RM100,000** ke atas, boleh memohon Hadiah Sanjung. Pemenang akan menerima sijil penghargaan.

#### **5. KATEGORI PATEN**

- 5.1 Anugerah Sanggar Sanjung akan diberi kepada paten yang menerima penganugerahan [*patent granted*] buat kali pertama pada tahun yang dinilai.
- 5.2 Nilai Anugerah Sanggar Sanjung bagi setiap paten yang diterima [*patent granted*] bagi peringkat **kebangsaan** adalah **RM1,000** dan peringkat **antarabangsa** adalah **RM2,000**.

- 5.3 Had maksimum untuk Anugerah Sanggar Sanjung kategori ini adalah sebanyak **RM8,000** setiap orang tanpa mengira bilangan paten.
- 5.4 Jika terdapat pemegang paten bersama daripada dalam atau luar USM, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan pemegang paten. Namun, staf USM sahaja akan menerima bahagian masing-masing.

## **6. KATEGORI KREATIVITI**

- 6.1 Staf USM yang telah memenangi anugerah tertinggi atau menerima pengiktirafan dalam bidang seni dan reka bentuk di peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan dipertimbangkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung.
- 6.2 Anugerah tertinggi atau pengiktirafan diterima dalam bidang seni dan reka bentuk seperti:
- persembahan (teater, muzik, tari, gubahan/komposisi lagu, dll.)
  - seni visual (catan, arca, produk, grafik, dll.)
  - skrin (lakon layar, pengarahannya, suntingan, dll.)
  - seni kraf (ukiran, batik, sulaman, dll.)
  - penulisan kreatif (novel, skrip, puisi, dll.)
  - dan undangan daripada badan berprestij untuk ucap tama/perundingan kepakaran.
- 6.3 Nilai Anugerah Sanggar Sanjung bagi peringkat **kebangsaan** adalah **RM1,000** dan peringkat **antarabangsa** adalah **RM2,000**.
- 6.4 Had maksimum untuk Anugerah Sanggar Sanjung kategori ini adalah sebanyak **RM8,000** setiap orang tanpa mengira bilangan pengiktirafan diterima.
- 6.5 Jika terdapat karyawan bersama daripada dalam atau luar USM, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan karyawan yang terlibat. Namun, staf USM sahaja akan menerima bahagian masing-masing.

## **7. KATEGORI GERAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA**

- 7.1 Staf yang mendapat geran penyelidikan di peringkat antarabangsa akan dipertimbangkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung.
- 7.2 Bahagian geran penyelidikan antarabangsa yang telah disalurkan kepada USM/USAINS tidak kurang daripada **RM300,000** secara kumulatif bagi bidang Sains manakala **RM100,000** secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial dan Sastera pada tahun yang dinilai.
- 7.3 Bagi Geran Penyelidikan Antarabangsa yang mempunyai pembayaran honorarium kepada penyelidik/ahli geran, pemohon yang berjaya **hanya** akan menerima **sijil** Anugerah Sanggar Sanjung.
- 7.4 Pemohon hanya dibenarkan memohon **SEKALI SAHAJA** sepanjang tempoh penyelidikan untuk geran yang sama.
- 7.5 Nilai Anugerah Sanggar Sanjung adalah sebanyak **RM2,000**.
- 7.6 Had maksimum untuk Anugerah Sanggar Sanjung kategori ini adalah sebanyak **RM8,000** setiap orang tanpa mengira bilangan geran.

7.7 Jika terdapat penyelidik bersama daripada dalam atau luar USM, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penyelidik. Namun, staf USM sahaja akan menerima bahagian masing-masing.

## **8. KATEGORI GERAN PENYELIDIKAN INDUSTRI**

- 8.1 Staf yang mendapat geran penyelidikan industri/swasta/NGO akan dipertimbangkan untuk Anugerah Sanggar Sanjung. Sumber geran industri/swasta/NGO yang diperolehi mestilah **kompetitif** dan geran penyelidikan mestilah dalam bentuk nilai wang dan bukannya “inkind” (seperti peralatan, tajaan dan lain lagi).
- 8.2 Bahagian geran penyelidikan industri/swasta/NGO yang disalurkan kepada USM/USAINS mestilah **100% daripada pihak industri/swasta/NGO** dan tidak kurang daripada **RM200,000** secara kumulatif untuk bidang Sains manakala **RM100,000** secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial dan Sastera pada tahun yang dinilai.
- 8.3 Bagi geran penyelidikan industri/swasta/NGO yang mempunyai pembayaran honorarium kepada penyelidik/ahli geran, pemohon yang berjaya **hanya** akan menerima **sijil** Anugerah Sanggar Sanjung.
- 8.4 Pemohon hanya dibenarkan memohon **SEKALI SAHAJA** sepanjang tempoh penyelidikan untuk geran yang sama.
- 8.5 Nilai Anugerah Sanggar Sanjung adalah sebanyak **RM2,000**.
- 8.6 Had maksimum untuk Anugerah Sanggar Sanjung kategori ini adalah sebanyak **RM8,000** setiap orang tanpa mengira bilangan geran.
- 8.7 Jika terdapat penyelidik bersama daripada dalam atau luar USM, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penyelidik. Namun, staf USM sahaja akan menerima bahagian masing-masing.

## **9. ANUGERAH PENYELIDIK HARAPAN**

Anugerah ini dianggap sebagai anugerah yang paling berprestij bagi staf muda, yang mencerminkan semangat ilmiah dan keserjanaan akademik.

- 9.1 Anugerah akan dipertimbangkan bagi staf yang berumur kurang daripada **40 tahun pada 1 Januari 2024**.
- 9.2 Syarat kelayakan: Penerima Anugerah Sanggar Sanjung yang memenangi sekurang-kurangnya **tiga (3) kategori** berlainan dalam Anugerah Sanggar Sanjung bagi **bidang Sains** atau **dua (2) kategori** berlainan dalam Anugerah Sanggar Sanjung bagi **bidang Sains Sosial dan Sastera** bagi **tempoh 2019 sehingga 2023**.
- 9.3 Berkhidmat sebagai staf di USM selama sekurang-kurangnya **lima (5) tahun secara kumulatif** dalam kerjaya di USM.
- 9.4 Seseorang staf USM yang pernah memenangi anugerah ini tidak akan dipertimbangkan lagi.
- 9.5 Nilai anugerah ialah **RM2,000** setiap pemenang.

## 10. ANUGERAH CANCELOR

Anugerah ini dianggap sebagai anugerah yang paling berprestij yang mencerminkan semangat ilmiah dan keserjanaan akademik.

- 10.1 Anugerah ini diberikan kepada penerima Anugerah Sanggar Sanjung 2023 yang memenangi **sekurang-kurangnya tiga (3) kategori berlainan Anugerah Sanggar Sanjung 2023**. Anugerah Pendidik Sanjungan, Anugerah Kualiti, Anugerah Sanjungan Industri dan Anugerah Khidmat Masyarakat boleh diambil kira sebagai salah satu daripada kategori tersebut.
- 10.2 Jawatankuasa Pemilihan akan mengesyorkan kepada Universiti nama calon yang memenuhi syarat.
- 10.3 Universiti boleh mengesyorkan kes istimewa untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Gabenor Universiti (LGU). Kes seperti ini mesti mencerminkan keserjanaan akademik.
- 10.4 Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.
- 10.5 Hadiah bagi kategori ini adalah dalam bentuk **pingat emas dan sijil**.

XXXXX